



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**JURUTERA TELEKOM (B.2 EB.3 / B.2)
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**JURUTERA TELEKOM
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
B.2 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) **TANGGA GAJI B.2 EB.3**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Computer Engineering / Communication / Communication Engineering / Electronics Engineering / Telecommunication / Eletrical Engineering* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

b) **TANGGA GAJI B.2**

i) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang *Computer Engineering / Communication / Communication Engineering / Electronics Engineering / Telecommunication / Eletrical Engineering* atau bidang bersesuaian **DAN** telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

ii) Telah berkhidmat di Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab bagi operasi harian dan pengurusan projek bagi sistem perkhidmatan komunikasi dan keselamatan berserta perancangan dan pelaksanaan projek-projek kontrak;



2. Bertanggungjawab dalam mengendalikan projek-projek dan perkhidmatan-perkhidmatan teknikal sistem komunikasi dan keselamatan berserta melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam projek berkenaan;
3. Memastikan penyelenggaraan dan pengendalian sistem-sistem komunikasi seperti sistem *IP PBX (Private Branch Exchange)*, *Radio Handheld Transceiver* dan *P.A Systems* adalah teratur;
4. Memastikan penyelenggaraan dan pengendalian sistem-sistem keselamatan (*Aviation Security*) seperti *X-Ray baggage*, *Walk through Metal Detector* dan Sistem *CCTV* adalah teratur;
5. Mengkaji / mereka bentuk dan membuat sokongan pembaikan teknikal yang inovatif kepada sistem-sistem, proses-proses dan struktur yang sedia ada yang boleh membantu Pejabat mencapai misi, matlamat-matlamat dan objektifnya; dan
6. Menganalisa masalah teknikal dan keperluan projek serta perkhidmatan berkenaan dan mengendalikan tindakan-tindakan yang perlu diambil mengenainya mengikut bidang kuasa yang diberikan.